

PENENTUAN KESEPADANAN BIDANG PENGAJIAN-PEKERJAAN DALAM KALANGAN GRADUAN DI KOLEJ KOMUNITI

*Zaliza Hanap^a
Fakulti Pendidikan Teknikal dan
Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan
Idris*

*Mohd Safarin Nordin^b
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi
Malaysia*

*Ridzwan Che Rus^c
Fakulti Pendidikan Teknikal dan
Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan
Idris*

*Abu Bakar Mamat^d
Fakulti Pendidikan Teknikal dan
Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan
Idris*

*Mohd Nazri b. Abdul Raji^e
Fakulti Pendidikan Teknikal dan
Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan
Idris*

*Khairul Anuar Hasnan^f
Fakulti Pendidikan Teknikal dan
Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan
Idris*

chikiza_12@yahoo.com^g

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan. Kajian ini melibatkan graduan Kolej Komuniti di bidang pengajian elektrik yang tamat pengajian pada tahun 2013. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratusan serta analisis statistik inferensi seperti Ujian Korelasi Cramer-V digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 43.4% graduan bekerja di dalam bidang yang tidak sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan di antara ciri-ciri pendidikan (seperti pencapaian akademik) serta ciri-ciri pekerjaan (seperti tempoh mendapat pekerjaan, jenis sektor pekerjaan dan status pekerjaan) terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi. Sesungguhnya, kualiti seseorang graduan tidak boleh diukur hanya berdasarkan kebolehan graduan tersebut di dalam menempatkan diri dalam sektor pekerjaan, tetapi apa yang lebih penting adalah kebolehan mereka di dalam mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti serta kemahiran yang dimiliki.

Kata Kunci : Ketidakesepadanan, Institut Latihan, Kolej Komuniti

ABSTRACT

Mismatch issues between training in skills training institutions and skills required by employers often raised. However, we found the lack of a study conducted to examine the compatibility of training between training institutions and industry. Thus, this study was undertaken to determine the level of matching between the fields of study with work and identify the underlying factors that affect compatibility between fields of study with the underlying employment among graduates. Our research involves Community College trainees in the field of electrical which graduation in 2013. This study is a quantitative study using a questionnaire as an instrument. Descriptive statistics such as frequencies and percentages and inferential statistical analysis such as Cramer -V Correlation test was used to analyze the data. The results show that almost 43.4 % of graduates work in fields that do not match the field of study at community colleges. In addition, the study also showed that there was no significant effect of educational characteristics (such as academic performance) and job characteristics (such as length of employment, type of employment sectors and employment status) on the correspondence between fields of study with jobs they undertake. Indeed, the quality of graduate students can not be measured only by the ability to place graduates in jobs in the sector, but what is more important is their ability to get a job in matching the field of study and skills acquired.

Keywords: Mismatch, training institution, community college

1. PENGENALAN

Kajian berkaitan kesepadanan di antara pendidikan dan kemahiran dengan pekerjaan yang diceburui seringkali dijalankan oleh pengkaji barat dan mereka seringkali menggunakan istilah ketidaksepadanan atau *mismatch* di dalam kajian yang dijalankan berbanding menggunakan istilah kesepadanan. Marchante, Bienvenido dan Pagan (2011) menyatakan *mismatch* yang berlaku di dalam pendidikan dan kemahiran sebagai jurang yang berlaku di antara kriteria dan keperluan yang diperlukan oleh pasaran atau industri yang tidak dipenuhi oleh pendidikan dan kemahiran yang dimiliki. Akibat berlakunya *mismatch* di antara pendidikan dan kemahiran dengan pekerjaan yang diceburui ini boleh mempengaruhi dan memberi kesan terhadap pelaburan di dalam pendidikan yang dibelanjakan, kepuasan kerja, gaji yang diperolehi dan mobiliti pekerjaan (Shujaat *et al.*, 2009).

Berdasarkan pendapat beberapa pengkaji aspek-aspek iaitu ciri-ciri pendidikan (Wolbers, 2003; Robst, 2007), demografik individu (Wolbers, 2003, Robst, 2007) dan ciri-ciri pekerjaan (Wolbers, 2003) mempengaruhi terhadap kesepadanan di antara pendidikan dan kemahiran yang diikuti dengan pekerjaan yang diperolehi seperti bidang pendidikan, tahap pendidikan, keputusan peperiksaan yang diperolehi dan pengalaman aktiviti atau kerja. Hensen, Vries dan Corvers (2009) turut menggunakan aspek-aspek ciri-ciri pendidikan, demografik individu dan ciri-ciri pekerjaan di dalam kajian mereka untuk mengkaji peranan mobiliti geografi di dalam mengurangkan masalah ketidaksepadanan di antara pendidikan dan pekerjaan yang diperolehi. Sesungguhnya, kesesuaian sesuatu bidang pengajian yang dianjurkan oleh pihak institusi pendidikan dan latihan haruslah memenuhi kehendak semasa majikan atau pasaran kerja bagi memastikan program tersebut mendapat pengiktirafan semua pihak. Bracey (2006) menyatakan bahawa adalah sukar untuk mengetahui apakah kemahiran yang bersesuaian dan diperlukan oleh pihak majikan di industri. Oleh itu, pihak majikan haruslah berganding bahu bekerjasama dengan pihak institusi pengajian di dalam memberi sebarang maklumat berkaitan dunia pendidikan. Terdapat kajian lalu yang menunjukkan kegagalan dalam pengisian program, kursus atau kurikulum yang baik akhirnya menimbulkan masalah kepada pelajar selepas tamat pengajiannya.

2. MASALAH KETIDAKSEPADANAN DALAM KALANGAN GRADUAN TEKNIKAL DI MALAYSIA

Pada masa sekarang, isu pengangguran dalam kalangan graduan banyak diperkatakan. Walaupun Malaysia sedang berada di landasan menuju ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan serta berteknologi tinggi, namun hasil kajian mendapati bahawa, masalah pengangguran yang banyak berlaku adalah dalam kalangan graduan dari bidang pengajian Sains 28.6%, Teknologi Maklumat dan Komunikasi 27.7% dan Teknikal 27.6% (Sistem Kajian Pengesanan Graduan KPT, 2010). Persoalannya, mengapa hal seperti ini berlaku? Sedangkan Negara telah memperuntukkan jumlah pelaburan yang besar di dalam sistem pendidikan terutamanya di dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Abd Hair *et al.*, 2007).

Selain itu, Rizal *et al.* (2008) menyatakan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2001 mendapati bahawa kadar pekerja yang mempunyai kemahiran vokasional yang memasuki pasaran pekerjaan adalah rendah iaitu sekitar 3% sehingga 12% sahaja. Manakala Kajian yang dijalankan oleh Soo Wee Leng dan Jumayah (2001) turut mendapati kurikulum yang ditawarkan oleh institusi vokasional tidak mengikut permintaan pasaran industri yang mengakibatkan kemahiran lepasan vokasional tidak memenuhi keperluan pihak industri. Ini menyebabkan timbul masalah dalam kalangan graduan yang tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan keperluan pekerjaannya dan tidak dapat menyesuaikan diri di alam pekerjaan baru.

Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2011) terdapat beberapa isu atau masalah yang timbul berkaitan bidang TVET ini yang tidak menjadi pilihan utama dalam kalangan pelajar iaitu bidang ini dikatakan tidak mempunyai laluan kerjaya yang jelas, gaji yang kurang menarik, terdapat terlalu banyak pusat latihan kemahiran dan mempunyai standard yang berbeza dan pusat latihan tidak beroperasi pada tahap yang maksimum. Selain itu juga, dari bentuk kerjasama dengan pihak industri, didapati bahawa kemahiran yang diperlukan oleh industri tidak selari dengan kurikulum pengajian di pusat latihan kemahiran, pihak industri juga kurang membantu dan memberi pengiktirafan kepada pusat latihan kemahiran, tiada platform yang khusus dalam membincangkan keperluan kemahiran yang bersesuaian mengikut pandangan industri dengan institut latihan kemahiran serta kurang insentif yang jelas bagi membolehkan industri berhubung dengan pusat latihan kemahiran. Justeru itu, apabila adanya masalah-masalah yang dinyatakan ini ia menyebabkan lahirnya graduan-graduan dari institut latihan kemahiran yang tidak memenuhi standard dan keperluan sesuatu pekerjaan.

Kolej Komuniti merupakan salah satu institusi TVET di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) yang menawarkan kursus dan latihan yang berbentuk teknikal dan vokasional. Tujuan Penubuhan Kolej Komuniti adalah untuk menyediakan sumber tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam membantu membangunkan ekonomi negara. Berdasarkan statistik graduan yang belum bekerja bagi tempoh tahun 2009 dan 2010, didapati bahawa graduan dari Kolej Komuniti yang belum bekerja mencapai peratusan yang lebih tinggi berbanding IPT yang lain bagi tempoh yang sama (Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2009 dan 2010, 2010). Selain itu, berdasarkan perbandingan destinasi graduan Kolej Komuniti dari Tahun 2008 hingga tahun 2011, didapati hampir 50% graduan Kolej Komuniti tidak bekerja dan sedang menunggu penempatan pekerjaan dalam tempoh tersebut (Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, 2011). Tambahan lagi, melalui laporan kajian pengesanan graduan pada tahun 2008 dan 2009 juga didapati bahawa sebanyak 49.7% pelajar lulusan kejuruteraan dari Kolej Komuniti tidak bekerja berbanding dengan bidang pengajian yang lain iaitu 24.3% lulusan sastera atau sains sosial, 21.3% lulusan teknologi maklumat dan komunikasi, 3.0% lulusan pendidikan dan 1.8% lulusan sains (Laporan Susulan Kajian Pengesanan Graduan 2008/2009, 2010).

Ini menunjukkan bahawa berlakunya ketidaksepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti dengan kerjaya yang diceburi. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan untuk melihat semula serta mengenalpasti kelemahan yang wujud di dalam kurikulum bagi setiap bidang pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti ini sehingga menyebabkan pelajar lulusan Kolej Komuniti ini sukar mendapat pekerjaan terutamanya pelajar dari lulusan bidang pengajian kejuruteraan. Oleh itu, penekanan utama terhadap pelajar di bidang pengajian kejuruteraan dan teknologi adalah penting kerana ia memberikan pulangan yang tinggi terhadap pembangunan negara. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan khasnya graduan di bidang kejuruteraan di Kolej Komuniti

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 162 orang graduan bidang pengajian kejuruteraan elektrik di Kolej Komuniti, Malaysia sebagai responden kajian. Kajian yang dijalankan ini menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi seperti kekerapan, peratusan, skor Min sisihan Piawai dan Ujian Korelasi Cramer-V. Responden kajian ini majoritinya terdiri daripada graduan lelaki iaitu seramai 160 orang (98.8%) dan hanya 2 responden (1.2%) adalah graduan perempuan. Dari aspek pencapaian akademik iaitu CGPA, majoriti responden menunjukkan CGPA yang baik iaitu seramai 88 orang (54.3%) responden mendapat CGPA di antara 3.5 hingga 4.0, 44 orang (27.2%) responden mendapat CGPA di antara 3.0 hingga 3.49 dan hanya 30 orang (18.5%) responden mendapat CGPA 2.5 ke bawah.

Selain itu, dari aspek pekerjaan sekarang, didapati bahawa seramai 113 orang (69.8%) responden telah mendapat pekerjaan, 26 orang (16.0%) responden masih belum mendapat pekerjaan dan 23 orang (14.2%) responden sedang melanjutkan pelajaran. Manakala dari aspek tempoh mendapat pekerjaan, majoriti responden iaitu 71 orang (62.8%) mendapat pekerjaan di bawah tempoh 3 bulan dan hanya 21 orang (18.5%) responden mendapat pekerjaan melebihi tempoh 3 bulan. Selanjutnya dari aspek jenis sektor pekerjaan, majoriti responden iaitu seramai 66 orang (58.4%) bekerja di sektor perkhidmatan, 33 orang (29.2%) responden bekerja di sektor pembuatan dan 14 orang (12.4%) responden bekerja di sektor pembinaan.

Seterusnya dari aspek status pekerjaan, majoriti responden iaitu 67 orang (59.3%) menunjukkan status bekerja secara sepenuh masa, 30 orang (26.5%) responden menunjukkan status bekerja sementara dan hanya 16 orang (14.2%) responden menunjukkan status bekerja kontrak. Dari segi jenis pekerjaan pula, didapati bahawa hampir sebahagian responden iaitu seramai 59 orang (76.6%) bekerja di dalam bidang teknikal seperti bekerja sebagai juruteknik dan operator pengeluaran, 16 orang (20.8%) responden bekerja di dalam bidang perkhidmatan seperti bekerja sebagai jurujual, kerani, penyambut tetamu dan agen insurans serta 2 orang (2.6%) responden bekerja di dalam bidang keusahawanan seperti berniaga.

4. DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji telah menghuraikan hasil dapatan kajian berdasarkan dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah berkaitan mengenalpasti tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti. Manakala bahagian kedua adalah berkaitan menentukan faktor yang mempengaruhi kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan bidang elektrik Kolej Komuniti.

4.1 Tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti.

Jadual 1: Taburan kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi oleh graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
1	Bekerja di dalam jenis pekerjaan yang sama bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti		
1	Pekerjaan yang sama bidang	64	56.6
2	Pekerjaan yang tidak sama bidang	49	43.4
Jumlah		113	100

Berdasarkan Jadual 1 di atas yang menunjukkan taburan kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi oleh graduan bidang elektrik di Kolej Komuniti mendapati bahawa seramai 64 orang (56.6%) graduan telah bekerja di dalam bidang pengajian yang sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti. Manakala 49 orang (43.4%) graduan lagi bekerja di luar bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti. Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi oleh graduan di bidang elektrik Komuniti berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu,

dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hampir 49 orang (40.7%) responden tidak berpuas hati dengan pekerjaan terkini yang diceburi.

4.2 Faktor yang mempengaruhi kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan Kolej Komuniti

Bagi melihat faktor yang mempengaruhi kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan Kolej Komuniti analisis inferensi iaitu Ujian Korelasi Cramer V dilakukan. Faktor yang terlibat sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi adalah pencapaian akademik iaitu CGPA, tempoh mendapat pekerjaan, jenis sektor pekerjaan dan status pekerjaan. Jadual 2 menunjukkan kekuatan pekali korelasi Cramer di mana nilai pekali korelasi Cramer V adalah di antara 0.0 sehingga 1.0 dan nilai $V=0.0$ menunjukkan bahawa tiada korelasi dan nilai $V=1.0$ menunjukkan bahawa korelasi sangat kuat (Chua, 2008).

Jadual 2 : Keterangan Nilai Pekali Korelasi Cramer V

Nilai Pekali (Cramer V)	Keterangan Kekuatan Korelasi
0.91 dan 1.00	Sangat kuat
0.71 → 0.90	Kuat
0.51 → 0.70	Sederhana
0.31 → 0.50	Lemah
0.01 → 0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada korelasi

Sumber: (Chua, 2008)

Melalui analisis Ujian Korelasi Cramer V, Jadual 3 menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor CGPA terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi [$V= 0.21$, $p > 0.05$; $X^2 (4, N = 113) = 5.00$, $p > 0.05$]. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti graduan yang memiliki CGPA tertinggi iaitu di antara 3.5 hingga 4.00 bekerja di dalam bidang yang sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti semasa di Kolej Komuniti.

Merujuk Jadual 3 juga, menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor tempoh mendapat pekerjaan terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi [$V= 0.24$, $p > 0.05$; $X^2 (3, N = 113) = 5.42$, $p > 0.05$]. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan graduan iaitu 43 orang responden yang bekerja di dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti memperolehi pekerjaan mereka dalam hanya tempoh kurang 3 bulan. Namun begitu, terdapat juga graduan iaitu seramai 20 orang responden yang memperolehi pekerjaan dalam tempoh kurang 3 bulan bekerja di luar bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti.

Selain itu, berdasarkan Jadual 3 juga menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor sektor pekerjaan terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi [$V= 0.01$, $p > 0.05$; $X^2 (2, N = 113) = 0.02$, $p > 0.05$]. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan graduan iaitu 37 orang responden yang bekerja di dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti adalah mereka yang bekerja di dalam sektor perkhidmatan. Namun begitu, graduan yang bekerja di dalam sektor perkhidmatan juga menunjukkan seramai 29

orang responden bekerja di dalam bidang yang tidak sama dengan bidang pengajian mereka.

Jadual 3: Hasil Ujian Korelasi Cramer V pengaruh faktor CGPA, Tempoh Mendapat Kerja, Sektor Pekerjaan dan Status Pekerjaan

Pembolehubah		Adakah anda bekerja di dalam jenis pekerjaan yang sama bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti?		Pekali Korelasi Cramer (V)	Nilai Khi Kuasa Dua (χ^2)	df	p
		Ya (N)	Tidak (N)				
CGPA	3.5 – 4.0	38	21	0.21	5.00	4	0.29
	3.0 – 3.49	15	15				
	2.5 – 2.95	11	11				
	2.0 – 2.49	0	2				
Tempoh mendapat Kerja	<3 Bulan	43	28	0.24	5.42	3	0.14
	4 – 6 Bulan	6	4				
	7 – 9 Bulan	1	5				
	10 – 12 Bulan	4	1				
Sektor Pekerjaan	Pembuatan	19	14	0.01	0.02	2	0.99
	Perkhidmatan	37	29				
	Pembinaan	8	6				
Status Pekerjaan	Sepenuh Masa	39	28	0.14	2.24	2	0.33
	Sementara	14	16				
	Kontrak	11	5				

Seterusnya dapatan dari Jadual 3 juga menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh yang signifikan faktor status pekerjaan terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi [$V = 0.14$, $p > 0.05$; $\chi^2 (2, N = 113) = 2.24$, $p > 0.05$]. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan graduan iaitu 39 orang responden yang bekerja di dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti adalah mereka yang bekerja sepenuh masa. Namun begitu, terdapat graduan iaitu seramai 28 orang responden yang bekerja sepenuh masa bekerja di dalam bidang yang tidak sama dengan bidang pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi oleh graduan elektrik di Kolej Komuniti berada pada tahap yang sederhana. Selain itu, berdasarkan Ujian Korelasi Cramer-V yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik iaitu CGPA, tempoh mendapat pekerjaan, jenis sektor pekerjaan dan status pekerjaan tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap kesepadanan di antara bidang

pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan Kolej Komuniti di bidang elektrik.

Dapatan juga mendapati majoriti graduan yang tidak berjaya menempatkan diri di alam pekerjaan menyatakan bahawa mereka gagal menempatkan diri di mana-mana sektor pekerjaan disebabkan oleh bidang tugas kerja yang ditawarkan untuk mereka bekerja tidak sepadan dengan kemahiran yang dimiliki. Menurut Espajo & Ibanez (2006) seseorang graduan akan memiliki kepuasan pekerjaan yang tinggi apabila pekerjaan yang diceburi adalah hampir sama dengan apa yang dipelajari semasa di institusi pengajian. Selain itu, graduan yang mendapat pekerjaan yang selari dengan apa yang dipelajari serta setaraf dengan ijazah yang dimiliki akan mengurangkan berlakunya masalah pengangguran serta fenomena pertukaran pekerjaan.

Berdasarkan laporan yang dinyatakan oleh CEDEFOP (2010), antara cabaran yang dihadapi oleh negara-negara Eropah adalah *“not just to improve skills levels, but to match people with the right skills to the right jobs”*. Justeru itu, apabila berlakunya ketidaksepadanan di antara pekerjaan yang diceburi dengan bidang pengajian yang diikuti ia akan mengganggu produktiviti atau tahap kepuasan pekerjaan seseorang graduan. Ini disokong oleh teori pemadanan kerja oleh Sattinger (1993) di mana melalui teori ini apabila berlakunya ketidaksepadanan di antara keperluan kemahiran yang bersesuaian ia akan memberi kesan terhadap produktiviti seseorang individu di dalam sesuatu pekerjaan yang ingin diceburui.

Selain itu, Wolbers (2002) turut menyatakan bahawa seseorang graduan yang tidak mendapat pekerjaan yang sepadan dengan kemahiran yang dimiliki akan lebih cenderung mendapat pekerjaan yang berstatus rendah daripada kelayakan tahap pendidikan mereka. Justeru itu, pengkaji mendapati bahawa pandangan Wolbers (2002) adalah bersesuaian dengan hasil dapatan kajian ini yang mendapati bahawa dalam kalangan graduan Kolej Komuniti di bidang pengajian elektrik yang bekerja di bidang yang tidak sepadan dengan bidang kemahiran yang dimiliki mendapat pekerjaan yang lebih rendah daripada kelayakan sijil kemahiran yang mereka miliki seperti bekerja di dalam sektor perkhidmatan iaitu sebagai jurujual, agen insuran, operator pengeluaran, pelayan restoran dan pembantu pemandu bus atau lori. Di samping itu, hasil dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abd Hair *et al.* (2007) yang turut mendapati bahawa kebanyakan graduan di Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Mara yang bekerja di bidang yang tidak sepadan dengan bidang kemahiran yang dimiliki mendapat pekerjaan yang lebih rendah daripada tahap kelayakan pendidikan.

Namun begitu, dapatan kajian ini tidak bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Wolbers (2003) dan Robst (2007) berkaitan faktor ciri-ciri pendidikan dan ciri-ciri pekerjaan mempengaruhi terhadap kesepadanan di antara pendidikan dan kemahiran yang diikuti dengan pekerjaan yang diperolehi. Sesungguhnya kajian berkaitan di dalam menentukan faktor ciri-ciri demografik, ciri –ciri pendidikan dan ciri-ciri pekerjaan terhadap kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi jarang dilakukan oleh kebanyakan pengkaji. Kebanyakan pengkaji lebih memfokuskan kepada faktor kesesuaian sesuatu kurikulum bidang pengajian dengan keperluan dan kehendak majikan di industri. Justeru itu, untuk mengenalpasti secara mendalam berkaitan isu-isu atau masalah kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan peluang pekerjaan yang diceburi, kajian secara menyeluruh haruslah dilakukan seperti mengambil kira faktor ciri-ciri pendidikan, ciri-ciri demografik, ciri-ciri pekerjaan dan kesesuaian kurikulum bidang pengajian.

RUJUKAN

Abd Hair Awang *et al.* (2007). *Potensi Permintaan Tenaga Kerja Berkemahiran dalam Sektor Perkilangan, Pembinaan dan Perkhidmatan di Malaysia*. Laporan Projek. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abd Hair Awang (2008). *Keberkesanan Kebolehpasaran Pelatih dalam Industri Latihan Vokasional Terpilih Di Malaysia*. Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad Rizal Madar et, al (2008). *Kemahiran Employability bagi Memenuhi Keperluan Industri*. *Prosiding SKIS*.
- Bracey, G.W. (2006). Research: The High Skills. *Phi Delta Kappan*, Vol. 88 No. 1, pp. 93-94.
- Chua Yan Piaw. (2010). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 5*, Kuala Lumpur, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- European Centre for Development Of Vocational Training (2010). *Skill Mismatch in Europe*. June.CEDEFOP.
- Hensen, M., Vries, M. and Corves, F. (2008). The Role Geographic Mobility in Reducing Education-Jo Mismatches in the Netherland. *Papers in Regional Sciense*. 88 (3).
- Marchante, A.J., Ortego, B. and Pagan, R. (2011). An Analysis of Educational Mismatch and Labor Mobility in the Hospitality Industry. *Journal of Hospitality and Tourism Research*. 299-318.
- Pengesanan Graduan (2009). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2009*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Pengesanan Graduan (2010). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan Susulan SKPG 2008/2009*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Robst, J. (2007). Education and Job Match: The Relatedness of College Major and Work. *Economics of Education Review*, Vol. 26 No. 4, pp. 397-407.
- Shujaat Farooq et, al (2009). Educational and Qualificational Mismatches: Non Monetary Consequence in Pakistan. *European Journal of Social Sciences*. 9(2), 275-291.
- Soo Wee Leng, dan Jumaayah Salleh. 2001. Hubungan Industri dan Pendidikan Vokasional: Isu dan Strategi. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Wolbers, M. (2002). *Job Mismatches and Their Labour Market Effects among School-Leavers in Europe*. Maastricht University.